

10 JUL 2004

Umno-Pemuda (Rembau)

PEMUDA REMBAU CALONKAN HISHAMMUDDIN, KHAIRY

REMBAU, 10 Julai (Bernama) -- Pemuda Umno Bahagian Rembau yang mengadakan persidangan perwakilan bahagian malam tadi sebulat suara mencalonkan semula Datuk Hishammuddin Tun Hussein sebagai Ketua Pemuda Umno.

Khairy Jamaluddin pula dicalonkan untuk bertanding jawatan Naib Ketua.

Bahagian itu turut mencalonkan Datuk Wan Farid Wan Salleh untuk bertanding jawatan Pengerusi Tetap manakala Datuk Dr Zambry Abdul Kadir sebagai Timbalan Pengerusi Tetap.

Dua puluh orang yang dicalonkan bagi jawatan exco Pemuda ialah Datuk Azimi Daim, Datuk Firdaus Ismail, Jamal Nerubi, Shamsul Najmi Samsuddin, Datuk Abdul Hamid Nazahar, Abdullah Mat, Datuk Subhan Kamal, Jaighani Jaafar, Datuk Mukhriz Mahathir, Ahmad Ikmal Ismail, Sazmi Miah, Wan Ahmad Nizam Wan Abdul Hamid, Reeza Merican Naina Merican, Shamsul Anuar Nasarah, Harrison Hassan, Idris Harun, Abdul Samad Ibrahim, Abdul Halim Mohamad, Mohd Hasnol Ayub dan Jais Sarday.

Khairy juga dipilih menerajui Pemuda Umno Bahagian Rembau setelah menang tanpa bertanding jawatan itu pada mesyuarat yang dirasmikan oleh Menteri Besar yang juga Ketua Umno Bahagian Rembau Datuk Mohamad Hasan.

Sebelum ini, beliau merupakan Naib Ketua Pemuda Umno Bahagian Rembau. Jawatan Ketua Pemuda Umno Bahagian Rembau dikosongkan oleh Ab Ghani Hassan berikutan faktor usia.

Jawatan Naib Ketua pula dimenangi Mohd Ariff Abu Hassan setelah menewaskan dua lagi pencabarnya iaitu Ramli Musa dan Ahmad Fauzi Daud.

-- BERNAMA

RP ROS